

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 MAC 2021
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 6

Ekonomi Malaysia tidak terjejas

Sumbangan Korea Utara terhadap pelaburan di negara ini amat kecil

KUALA LUMPUR

Tindakan Korea Utara memutuskan hubungan diplomatik dengan Malaysia tidak akan menjelaskan pelaburan asing ke dalam negara, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, ini kerana apa yang telah negara ini lakukan iaitu mengekstradisi seorang rakyat Korea Utara ke Amerika Syarikat adalah berlandaskan undang-undang termasuk undang-undang antarabangsa.

"Ia turut diperhatikan pelabur-pelabur asing sama ada Malaysia ambil tindakan selari dengan peruntukan perlombongan dan peruntukan undang-undang.

"Jadi kalau kita berpegang pada keluhuran Perlombongan dan undang-undang negara serta antarabangsa, saya tidak mungkin ia akan menjelaskan (pelaburan asing), malahan



MOHAMED AZMIN TENGKU ZAFRUL MUSTAPA

Malaysia masih lagi menjadi destinasi pelaburan yang amat popular dalam kalangan pelabur asing," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Sumbangan Khas Covid-19 Untuk Sekolah-Sekolah Parlimen Gombak sumbangan Texas Instruments Malaysia Sdn Bhd di sini pada Sabtu.

Mengulas lanjut, Azmin berkata, sebagai bukti bahawa Malaysia kekal menjadi destinasi pilihan pelabur asing, negara ini bakal menerima pelaburan asing baharu dari sebuah syarikat Korea Selatan bernilai RM2.3 bilion bagi membina kilang pengeluaran bateri kenderaan elektrik di Sabah.

"Esok (Ahad) saya akan ke Sabah bersama Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang akan menyaksikan perjan-


jian pelaburan baharu syarikat dari Seoul ini.

"Ini merupakan kemudahan pertama syarikat berkenaan di luar Korea dan mereka memilih Malaysia untuk bangunkan kilang mereka yang menggunakan teknologi hijau," jelas beliau.

Di Arau, Perlis, Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, sumbangan daripada Korea Utara terhadap ekonomi Malaysia pada ketika ini adalah amat kecil dan ia tidak akan menjelaskan ekonomi negara.

"Saya rasa tiada impak, sebab kecil sahaja sumbangannya (kepada ekonomi negara)," katanya kepada pemberita selepas menghadiri program perjumpaan bersama pengusaha mangga harumanis Perlis di sini pada Sabtu.

Sementara itu, di Jeli, Ke-



Kedutaan Korea Utara di Jalan Batu, Petaling Damansara.

FOTO: SEPAHAMA

lantan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, ekonomi Malaysia tidak akan terjejas dengan tindakan Korea Utara yang memutuskan hubungan diplomatik dengan negara ini.

Menurutnya, hubungan yang lama terjalin dengan negara itu tidak dalam konteks ekonomi.

"Kita jangka tidak ada (tidak terkesan). Kita sudah lama jalinkan hubungan dengan Korea Utara dan Malaysia mahu baik dengan semua negara tetapi dari segi ekonomi amat kecil, tiada langsung, (jadi) ia tidak men-

jejaskan ekonomi," katanya ketika ditemui pemberita pada Sabtu.

Beliau sebelum itu menghadiri Majlis Perasmian Penyerahan Projek Siap Pejabat Kesihatan Daerah Jeli yang disempurnakan Timbalan Menteri Kesihatan I, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali.

Korea Utara pada Jumaat mengumumkan memutuskan hubungan diplomatik dengan Malaysia.

Langkah itu diambil selepas Kuala Lumpur mengekstradisi seorang rakyatnya ke Amerika Syarikat (AS).